

# SK Puchong Jaya raih kejayaan

Muncul juara Pesta Pantun Sekolah Rendah Peringkat Negeri Selangor 2017

KUALA LANGAT - Sekolah Kebangsaan (SK) Puchong Jaya dari daerah Petaling Perdana muncul juara Pesta Pantun Sekolah Rendah Peringkat Negeri Selangor 2017 yang diadakan di Sekolah Kebangsaan Telok Panglima Garang, Selangor pada 11 dan 12 Oktober lalu.

SK Puchong Jaya membawa pulang wang tunai sebanyak RM500, jambangan bunga, sijil pencapaian dan Piala Pusingan.

Manakala tempat kedua pula membawa pulang wang tunai RM400, jambangan bunga dan sijil pencapaian.

Di tempat ketiga disandang bersama Daerah Kuala Langat dan Klang yang masing-masing menerima wang tunai sebanyak RM300 berserta jambangan bunga dan sijil pencapaian.



Sebahagian peserta Pesta Pantun Sekolah Rendah Peringkat Negeri Selangor 2017 yang diadakan di SK Kebangsaan Telok Panglima Garang.

Pengerusi program, Azmi Ismail berkata, Pesta Pantun Sekolah Rendah Peringkat Negeri Selangor 2017 anjuran Jabatan Pelajaran Negeri Selangor di bawah kelolaan Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) Kuala Langat berlangsung selama dua hari melibatkan 10 sekolah yang

mewakili daerah Kuala Langat, Petaling Perdana, Sabak Bernam, Sepang, Klang, Hulu Selangor, Kuala Selangor, Gombak, Petaling Utama dan Hulu Langat.

Menurutnya, beliau percaya dengan penganjuran pesta pantun itu, dapat mengangkat budaya warisan

Melayu supaya tidak pupus.

“Dalam masa sama, pertandingan seumpama ini dapat melatih murid membina keyakinan diri serta memupuk perpaduan dalam kalangan murid selaras dengan konsep perpaduan melalui kokurikulum. Pusingan awal dan suku akhir ber-

langsung pada 11 Oktober telah memberi kejayaan kepada empat daerah iaitu Sabak Bernam, Kuala Langat, Petaling Perdana dan Klang untuk ke Pusingan Separuh Akhir,” katanya.

Azmi yang juga Guru Besar SK Telok Panglima Garang berkata, pertempuran

**INFO**  
 • Pesta Pantun Sekolah Rendah Peringkat Negeri Selangor 2017 anjuran Jabatan Pelajaran Negeri Selangor di bawah kelolaan PPD Kuala Langat

an budaya yang sengit antara empat daerah ini pada pusingan separuh akhir pada 12 Oktober, memberi tuah kepada pasukan pantun Daerah Sabak Bernam dan Daerah Petaling Perdana untuk meneruskan ke pusingan akhir.

Sementara itu, Pengerusi Pembangunan Persekutuan Parlimen Kuala Langat, Datuk Sulaiman Mohd Karli berkata, pantun adalah warisan bangsa yang perlu dijaga dan dipelihara.



## BELUM PANDAI MEMBACA AL-QURAN

# SISTEM 3 HARI

TERBUKTI, Mudah Belajarnya, Cepat Pandainya

YURAN SEUMUR HIDUP

RM750

CORDOBANA TAJWID

LANCARKAN BACAAN 6 BERTAJWID

28-30 OKT 2017

TAMAN ELAM  
102, JALAN BUNTA TIRIS, KAMPUNG PINANG JAWA, PETRA JAYA, KUCHING, SARAWAK

CORDOBANA

AZZ ASAS BELAJAR MEMBACA AL-QURAN

04-06 NOV 2017

SHAH ALAM, SELANGOR

CORDOBANA

AZZ ASAS BELAJAR MEMBACA AL-QURAN

01-03 DIS 2017

TAMAN ELAM  
102, JALAN BUNTA TIRIS, KAMPUNG PINANG JAWA, PETRA JAYA, KUCHING, SARAWAK

CORDOBANA

AZZ ASAS BELAJAR MEMBACA AL-QURAN

16-18 DIS 2017

SHAH ALAM, SELANGOR

CORDOBANA TERJEMAH

ASAS TERJEMAH AL-QURAN

23-25 DIS 2017

TAMAN ELAM  
102, JALAN BUNTA TIRIS, KAMPUNG PINANG JAWA, PETRA JAYA, KUCHING, SARAWAK

“TEMPAT TERHAD”

Terbuka Kepada Semua

TALIAN HOTLINE : 019-2165175 / 019-3887242

\*YURAN TERTAKLUK KEPADA LOKASI